

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
OLEH NAIB CANSELOR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Y.BHG PROF. DATO' DR MUSA BIN AHMAD**

**DI MAJLIS TAUTAN KASIH
PELAJAR PROGRAM FLEKSI DIPLOMA PASCASISWAZAH DALAM
PENYALAHGUNAAN DADAH DAN SARJANA KAUNSELING
PENYALAHGUNAAN DADAH (SPADA)**

**3 MAC 2016 (KHAMIS)
DI DEWAN RAYA, BANGI GOLF RESORT**

Terima kasih Saudara/i pengacara majlis

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera,
Salam 1 Malaysia dan Salam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*

[Salutasi]

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Tautan Kasih para pelajar Program Fleksi SPADA Diploma Pascasiswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah / Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) sesi akademik 2014/2016 pada malam yang indah ini. Kumpulan pelajar ini juga dikenali sebagai pelajar SPADA Kohot 4.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak ACREDA dan kumpulan pelajar SPADA Kohot 5 (para pelajar sesi akademik 2015-2017) yang telah bertungkus-lumus merancang dan merealisasikan majlis makan malam pada malam ini yang bertemakan "***Elegant Glam Night***".

Majlis yang gilang-gemilang ini diadakan bagi menghargai para pelajar SPADA yang telah menamatkan pengajian hari ini. Dan saya dimaklumkan bahawa para pelajar ini akan melapor diri ke Jabatan atau agensi masing-masing pada 7 Mac ini (Isnin). Syabas dan sekalung tahniah diucapkan.

3. Semenjak penubuhan ACREDA pada 1 Januari 2010, tidak dinafikan bahawa ACREDA dan kumpulan pelajar SPADA telah memainkan peranan yang sangat penting di dalam pelbagai bentuk program berkaitan dengan penyalahgunaan dadah seperti program pendidikan, pencegahan, pemulihan, rawatan dan penyaluran maklumat yang tepat, jelas dan terkini kepada semua kumpulan sasaran di dalam mahupun di luar kampus USIM serta komuniti di luar sana. ACREDA dan SPADA bukan sahaja bergiat aktif di dalam Malaysia malahan turut mengembangkan sayap mereka ke peringkat Asia dan luar negara. Cuma seperkara yang saya suka ingatkan dan harap kita dapat insafi bersama, agar program SPADA dapat diterjemahkan ke bentuk penerbitan buku, *referic journal* dan penulisan ringan kerana begitu banyak khazanah berharga yang graduan dan pelajar SPADA lalui wajar dikongsi bersama. Saya mengharapkan agar pelajar SPADA05 menyahut cabaran ini sejajar hasrat USIM ingin menjadikan ACREDA sebagai salah satu Hi-COE USIM menjelang 2020 dan memenuhi keperluan MyRA universiti sekaligus menjadikan USIM nombor satu di hati dan di minda masyarakat.
4. Semoga dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari selama setahun setengah ini, bakal graduan SPADA Kohot 4

diharapkan dapat kembali ke pangkuhan masyarakat dan meneruskan agenda membanteras dadah sebagai musuh nombor satu(1) negara dengan impak yang signifikan terhadap program pencegahan dadah, kepakaran dalam program rawatan dan pemulihan, serta rawatan susulan yang menuntut kemahiran yang mendesak. Saya yakin dan percaya, semua bakal graduan ini tidak akan menghamparkan harapan USIM dan ACREDA di dalam mencapai misi dan visi sebagai seorang graduan profesional di dalam bidang kaunseling penyalahgunaan dadah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Alhamdulillah pada 23 Julai 2015, tercatat satu lagi sejarah penting dan membanggakan kepada USIM dan ACREDA. Pada tarikh tersebut, *Malaysian Association of Drug Addiction Counselors* (MADAC) telah ditubuhkan secara rasmi dan bergerak sebagai sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang turut berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). MADAC merupakan satu aspirasi oleh lepasan graduan SPADA bagi mengumpulkan seramai mungkin pakar-pakar dalam bidang rawatan pemulihan dan pencegahan penyalahgunaan dadah di negara ini yang bergerak secara aktif dan kolektif.

6. Antara objektif utama penubuhan MADAC ialah untuk menyediakan platform kepada graduan lepasan program diploma / sarjana kaunseling (penyalahgunaan dadah) bagi menyumbang kemahiran dan kepakaran dalam menangani isu penyalahgunaan dadah dan alkohol. Selain itu, MADAC juga akan mengaplikasikan modul-modul pencegahan, rawatan dan pemulihan yang

diterbitkan oleh Pusat Penyelidikan Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) dan menyediakan khidmat kaunseling kepada penagih, bekas penagih dan keluarga. Saya percaya kohort SPADA05 secara total telah mendaftarkan diri sebagai ahli seumur hidup sebagai tanda sokongan padu terhadap usaha murni kerajaan melalui MADAC. Suka saya ingatkan agar kita dapat menginsafi ilmu dan kepakaran kita dapat dimanfaatkan melalui penerbitan bahan tentang dadah dan perkongsian media selain menjadi advokasi kepada ahli keluarga mereka yang ingin pulih dan kembali menjalani kehidupan secara fitrah.

7. Dalam erti kata lain, tugas graduan SPADA tidak berakhir selepas menerima segulung ijazah sarjana, sebaliknya ia harus dipraktikkan di dalam kehidupan seharian dan juga di dalam bidang pekerjaan untuk membanteras ancaman dadah sehingga ke akar umbi dengan mengenali faktor-faktor pelindung dan faktor-faktor risiko yang menyumbang ke arah penggunaan dadah. Sebagai seorang graduan yang mempunyai kepakaran di dalam bidang penyalahgunaan dadah, graduan SPADA hendaklah melakukan usaha di tahap maksima untuk membantu negara memerangi dadah musuh nombor satu(1) negara.

Hadirin yang dihormati,

8. Persepsi umum mengenai kesan dan bahaya dadah juga perlu dipertingkatkan. Hal ini adalah untuk membina satu gerakan atau desakan advokasi agar semua pihak mengetahui mengenai dadah dan kesannya. Masyarakat juga perlu menyedari bahawa dadah ada di mana-mana dan setiap orang atau ahli keluarga mereka

berisiko untuk terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Di sinilah bermula tugas dan peranan penting seorang graduan SPADA secara efektif dan pro aktif berbekalkan segala ilmu dan kemahiran yang telah dipelajari di USIM.

Rasulullah SAW bersabda:

***“Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangan, jika sekiranya ia tidak mampu, maka hendaklah ia mengubahnya dengan lidah, jika sekiranya tiada juga mampu, maka hendaklah dia mengubahnya dengan hati dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman”.*(Riwayat Muslim)**

Hal ini jelas menggambarkan kerelaan dan kebanggaan setiap individu untuk memainkan peranan masing-masing ke arah pencapaian matlamat baik dan murni dalam setiap kelompok masyarakat. Dan sebagai sorang graduan yang berilmu dan berkemahiran di dalam bidang penyalahgunaan dadah, maka peranan dan tanggungjawab melaksanakan amanat ini hendaklah dilaksanakan sebaik dan sesempurna mungkin di dalam fokus mencegah penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat sehingga ke akar umbi, Insya Allah.

**Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan,
Biar jauh di negeri satu,
Hilang di mata di hati jangan.**

**Batang selasih permainan budak,
Berdaun sehelai dimakan kuda,
Becerai kasih bertalak tidak,
Seribu tahun kembali juga.**

9. Akhir kalam, saya sekali lagi ingin mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada pihak ACREDA dan kumpulan pelajar SPADA Kohot 5 di atas usaha menjayakan majlis ini. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada pihak penaja iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), barisan pensyarah yang telah membantu melahirkan graduan SPADA yang kompeten dan berdaya saing dan seterusnya setinggi-tinggi tahniah kepada bakal graduan SPADA Kohot 4 yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka. Selamat maju jaya saya ucapkan.
10. Semoga malam ini bukan sahaja dapat mengeratkan ukhwah sesama kita, tetapi menjadi satu titik permulaan kepada kejayaan lebih cemerlang kepada bakal graduan yang diraikan dan terus menjadi inspirasi kejayaan buat ACREDA dan USIM amnya.

Sekian, terima kasih